

DBKL buat pemetaan utiliti, kajian struktur tanah

KUALA LUMPUR - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan melakukan pemetaan utiliti dan kajian struktur tanah di ibu negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa berkata, kini fasa pemulihan akan dimulakan selepas operasi mencari dan menyelamat (SAR) ditamatkan pada Sabtu.

"Ia akan diserahkan kepada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk tindakan selanjutnya.

"Selain itu, pihak DBKL akan lakukan beberapa perkara iaitu pemetaan utiliti serta kajian struktur tanah seluruh Kuala Lumpur.

"Kita juga akan buat sesi libat urus

dengan peniaga untuk teruskan kembali aktiviti di sini selain DBKL diminta melakukan pembinaan semula di kawasan terlibat iaitu dari pintu gerbang sehingga ke Mydin kira-kira 100 meter," katanya dalam sidang akhbar di sini pada Sabtu.

Tambah Dr Zaliha, pihaknya juga akan memastikan kawasan terlibat tidak diganggu pengunjung.

Katanya, DBKL juga memaklumkan bahawa sebarang pembangunan yang dibuat memerlukan laporan geoteknikal.

Menurutnya, laporan penuh kes tanah jerlus tersebut akan dibuat sebagai satu noktah kepada Jemaah Menteri agar diketahui butiran mendalam dari-

pada insiden terbabit.

"Saya minta semua pihak terlibat dalam SAR untuk memberikan input laporan penuh," ujarnya.

Sementara itu, beliau mengingatkan orang ramai agar mendapatkan berita yang sahih berhubung kejadian seperti itu daripada pihak berautoriti.

"Saya tegaskan bahawa Kuala Lumpur secara amnya berada dalam keadaan selamat dan kami telah berbincang dengan pihak yang lebih arif berhubung perkara itu khususnya keselamatan di ibu negara," katanya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Jumaat dilaporkan berkata, Kuala Lumpur masih selamat dan boleh dikunjungi pelancong.